

B595
MIC

OCT 18, 1981

KUALA LUMPUR, ~~18-9-81~~ (BERNAMA) — PEMIMPIN-PEMIMPIN POLITIK NEGARA INI MASIH PERLU GIGIH DALAM MEWUJUDKAN SATU NEGARA YANG KAYA, PROGRESIF DAN KUAT WALAUPUN ASAS PERJUANGAN YANG KUKUH TELAH ADA.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA BAHAWA TUGAS-TUGAS PEMIMPIN-PEMIMPIN BARISAN NASIONAL BELUM TAMAT.

BERUCAP DI MAJLIS MAKAN MALAM ANJURAN MIC BAGI MERAIKANNYA, TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK MUSA HITAM DAN BEKAS PERDANA MENTERI, TUN HUSSEIN ONN DI SINI MALAM INI, BELIAU MENYATAKAN BANGGA TERHADAP KEMATANGAN PARTI ITU.

KATANYA WAJAH DAN IMEJ BARU DALAM MIC MENJADIKAN IA SEBUAH PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL YANG KUKUH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERNARAP KEADAAN INI AKAN BERKEKALAN BELIAU BERKATA PERPADUAN DALAM PARTI MELIBATKAN SEMUA, BAIK DI PERINGKAT PEMIMPIN, DI PERINGKAT PERTENGAHAN DAN AHLI-AHLI BIASA.
—BERSAMBUNG 0025/AN

MIC 2 KUALA LUMPUR

MENYENTUH TENTANG DEMOKRASI DALAM PEMILIHAN PEMIMPIN-PEMIMPIN MIC DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SETELAH PEMILIHAN DIBUAT KESEMUA AHLI HENDAKLAH MERAPATKAN SEMULA PERPADUAN DAN BERDIRI TEGUH DI BELAKANG PEMIMPIN YANG DIPILIH.

PERDANA MENTERI JUGA MENYERU SUPAYA DIPERBAHARUI AZAM UNTUK MENDAPATKAN HASIL YANG BENAR-BENAR MEMUASKAN.

BELIAU JUGA BERKATA JIKA SETIAP RAKYAT MENINGKATKAN KEUPAYAAN DALAM BIDANG KERJAYA MASING-MASING MELEBIHI SEPARUH DARI YANG DIAMALKAN SEKARANG, KEMAJUAN NEGARA TENTUNYA LEBIH PESAT.

DALAM KEADAAN DEMIKIAN NEGARA-NEGARA LUAR TIDAK AKAN MEMBELAKANG DAN MERENDAHKAN NEGARA INI, KERANA PENDUDUKNYA TIDAK KURANG TARAFNYA DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN, KATA BELIAU.
—BERSAMBUNG 0030/AN

B597
MIC 3 KUALA LUMPUR

TUN HUSSEIN YANG TURUT BERUCAP DI MAJLIS ITU MENEKANKAN BAHAWA PEMIMPIN-PEMIMPIN HENDAKLAH BERSIKAP SEDERHANA DAN MENGAMBIL KIRA MASALAH- KESUSAHAN DAN KESULITAN RAKYAT DARI BERBAGAI KETURUNAN. INI TIDAK DAPAT DIELAK DAN MESTI MENJADI PANDUAN UTAMA BAGI MENJAMIN KETENTERAMAN DI NEGARA INI.

BELIAU BERKATA NEGARA INI BERNASIB BAIK KERANA DARI SEJAK MERDEKA TELAH MEMPUNYAI PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG BERSIKAP SEDERHANA YANG MENGUTAMAKAN KEAMANAN DAN KESTABILAN DARI YANG LAIN-LAIN.

KATANYA KEADAAN INI MENDATANGKAN PERSEFAHAMAN DI ANTARA PEMIMPIN-PEMIMPIN DAN MEMBOLEHKAN NEGARA MENGHADAPI CABARAN YANG TIMBUL DARI MASA KE SEMASA.
—BERSAMBUNG 0035/AN

B598
MIC 4 KUALA LUMPUR

TUN HUSSEIN BERKATA WALAUPUN PERPADUAN YANG ERAT WUJUD DI KALANGAN RAKYAT SEKARANG USAHA-USAHA MENINGKATKANNYA MESTI DIJALANKAN SETIAP MASA.

DI MAJLIS ITU PRESIDEN MIC, DATUK SAMY VELLU TELAH MENYEMATKAN PINGAT EMAS BERSIMBOL BARISAN NASIONAL KEPADA DATUK SERI DR. MAHATHIR, DATUK MUSA HITAM DAN TUN HUSSEIN ONN SEBAGAI HADIAH KENANGAN.

TURUT HADIR TALAH PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL.
—BERNAMA 0040/AN